

NO SOALAN :232

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DR. ONG KIAN MING
(SERDANG)**
PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. DR. ONG KIAN MING [SERDANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah individu yang telah disenarai hitamkan di bawah CTOS dan CCRIS untuk setiap tahun sejak tahun 2013 dan sebab individu-individu ini disenarai hitamkan.

JAWAPAN

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, CCRIS dan CTOS bukanlah sistem senarai hitam seperti tanggapan sesetengah pihak. Tiada mana-mana pihak yang telah dilantik atau diberi kuasa oleh pihak Kerajaan untuk menyenarai hitamkan peminjam yang gagal mematuhi obligasi pembayaran balik pinjaman. Oleh demikian, tiada data berkenaan jumlah individu yang telah disenarai hitamkan sebagaimana yang dipohon oleh ahli Yang Berhormat.

Izinkan saya mengambil kesempatan ini untuk membetulkan pemahaman berkenaan istilah senarai hitam atau “blacklist” yang sering disalahguna pemakaianya. Pemakaian istilah senarai hitam atau “blacklist” yang sering digunakan oleh institusi kewangan sewaktu menolak permohonan pinjaman ternyata telah menimbulkan kekeliruan dan persepsi negatif di kalangan orang awam terhadap CCRIS dan CTOS. Sebaliknya, CCRIS dan CTOS hanya menjalankan aktiviti pengumpulan dan penzahiran maklumat kredit yang dizahirkan dalam bentuk sebuah laporan kredit dan berfungsi sebagai salah satu sumber rujukan bagi institusi kewangan membuat penilaian kepercayaan kredit (“credit worthiness”) dan risiko bagi setiap permohonan pinjaman.

Penilaian kredit yang dijalankan oleh institusi kewangan tidak tertumpu kepada laporan kredit CTOS dan CCRIS sahaja tetapi turut mengambil kira garis panduan, dasar pinjaman dan pemarkahan kredit dalaman (*internal credit scoring*) yang ditetapkan oleh institusi kewangan tersebut bagi membuat keputusan yang tepat dan berhemat dalam pemberian pinjaman. CTOS dan CCRIS tidak memberi apa-apa pandangan mengenai kepercayaan kredit individu dan tidak akan terlibat dalam apa-apa keputusan pemberian kemudahan pinjaman oleh institusi kewangan. Sistem perkongsian maklumat yang dijalankan oleh CCRIS, CTOS serta agensi pelaporan

kredit yang lain bertindak sebagai penyokong kepada sistem kewangan yang stabil kerana infrastruktur kewangan yang berkualiti dapat menentukan kecekapan perantaraan (*efficiency of intermediation*) khususnya dalam membuat penilaian sebelum meluluskan permohonan pinjaman.

Oleh yang demikian, penilaian untuk memproses permohonan pinjaman oleh institusi kewangan adalah berdasarkan kriteria-kriteria yang mencerminkan reputasi dan kepercayaan kredit pelanggan tersebut. Namun demikian, faktor-faktor seperti jumlah tunggakan hutang terkumpul yang belum dibayar balik atau corak pembayaran balik yang tidak teratur akan memberi impak negatif dan skor penilaian kredit yang tidak memuaskan dan seterusnya akan menjaskan permohonan pinjaman.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT DR. ONG KIAN MING [SERDANG]

SOALAN :

YB Dr. Ong Kian Ming [Serdang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah pengundi yang telah daftar sebagai pengundi luar negara sejak tahun 2013 mengikut kawasan Parlimen.

SULIT

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pemilih yang telah berdaftar sebagai Pemilih Tidak Hadir (PTH) Luar Negara dari tahun 2013 hingga Daftar Pemilih Suku Tahun Kedua Tahun 2016 (ST 2/2016) adalah sebanyak 504 orang.

Sekian. Terima kasih.